



PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK  
TINGKAT 16, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR,  
JALAN SIMPANG TIGA,  
93592 KUCHING,  
SARAWAK.

Telefon : 082-421333/421755/425154 (Pejabat AM)  
Faks : 082-424489  
E-mel : [pmswk@treasury.gov.my](mailto:pmswk@treasury.gov.my)  
Laman Web : <http://pmsarawak.treasury.gov.my>

Ruj.Kami : PKP(S)124-1/6 Jld.5 (20)  
Tarikh : 02 Oktober 2019  
03 Safar 1441H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan, Sarawak

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan, Sarawak

Semua Ketua Jabatan Negeri, Sarawak  
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri, Sarawak  
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Yang Berbahagia Datuk/Datu/ Dato'/Dr./Tuan/Puan,

**TAMBAHAN PERTAMA**  
**SURAT PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK**  
**BILANGAN 1 TAHUN 2019**

**Kontrak Pusat Bagi Membekal dan Menghantar Daging Ayam (Halal) Kepada Semua Jabatan Persekutuan (Termasuk Semua Kategori), Dan Badan Berkanun Persekutuan Dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Seluruh Negeri Sarawak Bagi Tahun 2019 Sehingga 2022**

**1. PERIHAL**

- 1.1 Adalah dimaklumkan bahawa Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMS) telah bersetuju menambah Comerich Sdn Bhd bagi Kontrak Pusat Bagi Membekal dan Menghantar Daging Ayam (Halal) Kepada Semua Jabatan Persekutuan (Termasuk Semua Kategori), Dan Badan Berkanun Persekutuan Dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Seluruh Negeri Sarawak Bagi Tahun 2019 Sehingga 2022.

## 2. BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR DAN NOMBOR KONTRAK

BIL.	NAMA / ALAMAT KONTRAKTOR / NO. TELEFON / FAX & NOMBOR KONTRAK	ALAMAT / NO. AKAUN BANK
1.	COMERICH SDN BHD Lot 87-2-6 & B7-2-7 CITY BRIDGE COMMERCIAL CENTRE 93450 KUCHING  Tel : 082-332159 Fax : 082-334162  <u>No. Kontrak</u>  <b>PMS/124/KONT/2019-02</b>	<u>Bank</u>  MALAYAN BANKING BERHAD (MAYBANK)  <u>No. Akaun</u>  011038422397

## 3. TEMPOH KONTRAK

3.1 Tempoh kontrak ialah selama tiga (3) tahun berkuatkuasa mulai 15 Ogos 2019 sehingga 14 Ogos 2022.

## 4. HARGA

4.1 Harga di bawah kontrak ini adalah harga bersih bagi satu kilogram (1kg) termasuk semua cukai serta kos pembungkusan dan penghantaran ke tempat-tempat yang berkaitan.

4.2 Penetapan harga ditentukan mengikut kawasan. Harga dan Kawasan untuk bekalan seperti di **Lampiran 'A1'**.

## 5. PENENTUAN

5.1 Untuk tempoh kontrak ini, bekalan daging ayam (halal) hendaklah mengikut spesifikasi seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran 'A3'**. PMS akan sentiasa mengawasi mutu bekalan oleh syarikat pembekal dari semasa ke semasa.

## 6. HAL-HAL LAIN

6.1 Perkara-perkara lain adalah sama seperti syarat-syarat Surat Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Malaysia Sarawak Bil 1 Tahun 2019.


6.2 Jika terdapat sebarang kemusykilan mengenai kontrak ini, pihak Y.Bhg. Datuk Amar/Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi terus PM Sarawak seperti di alamat di atas atau melalui telefon/emel seperti berikut:-

- (i) Pn. Dayang Arfahiza Binti Abang Junaidi – 082-421333 samb.500  
Emel: arfahiza.junaidi@treasury.gov.my
- (ii) Pn Sharifah Nur Salikin Bt. Wan Habib Sabli – 082-421333 samb. 502  
Emel: salikin.sabli@treasury.gov.my.
- (iii) Seksyen Perolehan – 082-421333 samb. 501

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah.



**(MOHD SAIFUL SUNGKIH BIN ABDULLAH)**  
Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak  
Perbendaharaan Malaysia Sarawak  
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia